

**SOALAN-SOALAN LISAN
MESYUARAT KEDUA TAHUN KEEMPAT
DEWAN NEGERI YANG KELIMA BELAS PERAK DARUL RIDZUAN**

**PERSIDANGAN KETIGA
10 SEPTEMBER 2026 (KHAMIS)**

1. YB ENCIK AZMAN BIN NOH (PENGKALAN BAHARU)

Apakah langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mempercepatkan proses pendaftaran surau yang masih tertangguh akibat kelewatan urusan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), memandangkan kelewatan tersebut menyebabkan banyak surau masih belum dapat memperoleh Sijil Pendaftaran walaupun permohonan telah dikemukakan sejak sekian lama?

2. YB PUAN WONG CHAI YI (SIMPANG PULAI)

GATED AND GUARDED COMMUNITY

Semakin banyak kawasan perumahan memilih konsep gated and guarded atas faktor keselamatan, namun masih terdapat kekeliruan mengenai pelaksanaannya.

(a) Apakah syarat dan ketetapan yang perlu dipatuhi dalam pelaksanaan skim *gated and guarded* di kawasan perumahan?

(b) Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi membantu kawasan perumahan sedia ada mematuhi garis panduan yang ditetapkan?

(c) Apakah usaha yang diambil bagi meningkatkan kesedaran orang ramai serta mengelakkan kekeliruan mengenai pelaksanaan skim *gated and guarded* pada masa hadapan?

3. YB ENCIK AZIZI BIN MOHAMED RIDZUAN (LUBOK MERBAU)

Apakah dasar kerajaan bagi memastikan para belia keluaran TVET terus berdaya saing dan mampu bertahan dalam bidang yang mereka ceburi, dalam keadaan suasana ekonomi yang sangat mencabar masakini?

4. YB ENCIK TIW TEE SIANG (TRONOH)

Apakah perkembangan pelaburan pembinaan ladang solar di Perak?

Sila nyatakan nyatakan ladang solar yang sedang beroperasi, bakal beroperasi dan dalam perancangan.

Apakah manfaat yang diterima oleh rakyat dan kerajaan negeri Perak daripada perkembangan pelaburan ini?

5. YB PUAN SALINA BINTI SAMSUDIN (BEHRANG)

Berapakah Jumlah kemalangan yang direkodkan di laluan Tanjong Malim Behrang Proton City dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini dan apakah tindakan kerajaan negeri bagi mengurangkan risiko kemalangan di laluan tersebut?

6. YB ENCIK MOHAMAD AMIN BIN ROSLAN (PENGKALAN HULU)

JALUR LEBAR

Sejauh manakah Kerajaan Negeri memantau dan menangani masalah gangguan serta ketidakstabilan capaian jalur lebar yang kerap berlaku di kawasan luar bandar dan pedalaman, khususnya di DUN Pengkalan Hulu berapakah jumlah aduan gangguan internet yang direkodkan bagi tahun 2025 dan sehingga kini pada tahun 2026, serta apakah tindakan dan intervensi yang telah dilaksanakan bersama pihak penyedia perkhidmatan bagi memastikan penduduk di kawasan pedalaman turut menikmati capaian internet yang stabil, berkualiti dan berterusan?

7. YB DR. MOHAMAD YUSRI BIN BAKIR (AYER KUNING)

Keberkesanan Perancangan Pembangunan Ekonomi Luar Bandar Bagi Mengekalkan Penduduk Muda di Kawasan DUN Ayer Kuning

1. Berapakah jumlah program pembangunan ekonomi luar bandar yang dilaksanakan di DUN Ayer Kuning dalam tempoh tiga tahun terakhir?
2. Berapakah jumlah peserta muda yang menyertai program pembangunan ekonomi luar bandar tersebut?
3. Apakah indikator yang digunakan Kerajaan Negeri bagi mengukur keberkesanan program pembangunan ekonomi luar bandar?

8. YB PUAN THULSI THIVANI A/P MANOGARAN (BUNTONG)

Baru-baru ini wabak denggi kian meningkat di kawasan Buntong disebabkan oleh tahap keusangan bangunan-bangunan pangsapuri dan flat yang ada terutamanya di Taman Cherry. Masalah utama yang dialami adalah terdapat unit-unit yang berkunci dan tidak dapat diakses oleh pihak berkuasa untuk membuat pemeriksaan dan menghapuskan kawasan pembiakan nyamuk Aedes. Adakah kerajaan negeri mempunyai perancangan terperinci dalam jangka masa terdekat untuk menyelesaikan masalah penguatkuasaan ini dalam had undang-undang sedia ada dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan.

9. YB ENCIK SALLEHUDDIN BIN ABDULLAH (SELINSING)

1. Apakah perkembangan terkini pelaksanaan Sistem SpeedLane di PBT Negeri Perak?

2. Bagaimanakah Sistem SpeedLane membantu mempercepatkan proses permohonan dan meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan PBT?
3. Apakah penambahbaikan yang sedang dirancang bagi memperkukuh pelaksanaan Sistem SpeedLane di lebih banyak PBT pada masa hadapan?

10. YB PUAN WASANTHEE A/P SINNASAMY (HUTAN MELINTANG)

Industri Hijau

Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk menarik pelaburan dalam industri hijau dan teknologi bersih selaras dengan agenda pembangunan mampan Negeri Perak?

- 1) Berapa banyak syarikat industri hijau telah melabur di Perak?

11. YB ENCIK KHALIL BIN YAHAYA (KUBU GAJAH)

Ekonomi jingga merupakan antara sektor ekonomi baharu yang memberi penekanan kepada pembangunan industri kreatif, seni, budaya dan warisan sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi serta penciptaan peluang pekerjaan. Negeri Perak mempunyai pelbagai khazanah kesenian dan budaya, termasuk kesenian Islam seperti seni khat, kaligrafi, qasidah, hadrah, marhaban, seni ukiran dan seni bina Islam yang berpotensi besar untuk diketengahkan sebagai produk ekonomi kreatif dan pelancongan.

(a) Mohon Kerajaan Negeri menyatakan sektor ekonomi jingga yang sedang dibangunkan di Negeri Perak serta jumlah peruntukan yang disediakan mengikut setiap sektor atau projek yang telah dilaksanakan

(b) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk memartabatkan kesenian Islam seperti seni khat, kaligrafi, qasidah, hadrah, marhaban, seni ukiran dan seni bina Islam agar bukan sahaja dipelihara sebagai warisan, malah mampu menjana pendapatan kepada penggiat seni tempatan?

(c) Apakah strategi Kerajaan Negeri untuk memastikan kesenian Islam dan budaya Perak bukan sekadar dipelihara sebagai warisan, malah dikomersialkan secara beretika melalui industri kreatif, pelancongan dan platform digital bagi meningkatkan pendapatan penggiat seni tempatan?

12. YB ENCIK ONG BOON PIOW (BERCHAM)

Tentang pembangunan TVET dalam negeri Perak.

- i. Sila senaraikan nama pusat dan kursus utama disediakan oleh TVET yang ada di kawasan IPOH?
- ii. Apakah kelebihan yang disediakan oleh pusat-pusat ini selain menyediakan peluang belajar, bagi menarik lebih banyak pelajar untuk memilih kursus TVET?

- iii. Apakah pendekatan pihak kerajaan untuk membawa konsep TVET ini ke sekolah menengah, agar pelajar mempunyai lebih pilihan untuk kerjaya mereka?

13. YB ENCIK MUHAMMAD ZULFADLI BIN ZAINAL (SLIM)

KURSUS PERTANIAN RINGKAS

Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memperluaskan kursus pertanian jangka pendek yang praktikal kepada golongan belia, pesara dan penduduk luar bandar bagi menggalakkan pertanian moden sebagai sumber pendapatan baharu?

1. Berapakah jumlah peserta yang telah mengikuti kursus yang direncana?
2. Adakah peserta akan dibantu dengan geran permulaan atau peralatan asas selepas tamat latihan?

14. YB ENCIK CHOONG SHIN HENG (CHENDERANG)

Isu keselamatan laluan Tapah-Cameron Highlands

- a) Apakah usaha kerajaan untuk meningkatkan ciri keselamatan laluan Tapah-Cameron Highlands?
- b) Sila nyatakan status terkini pelan mitigasi keselamatan dan pemasangan lampu jalan di sepanjang jalan persekutuan Tapah - Cameron highlands memandangkan laluan pergunungan tersebut amat gelap pada waktu malam dan kerap berlaku kemalangan ekoran struktur jalan yang bengkok-bengkok serta sempit.
- c) Berapakah peruntukan kecemasan yang telah disalurkan bagi memperbaiki cerun-cerun kritikal yang runtuh akibat hujan lebat di sepanjang laluan Tapah ke Cameron Highland

15. YB ENCIK CHAW KAM FOON (MENGLEMBU)

KESELAMATAN

- a) Sila nyatakan berapa jumlah unit kamera litar tertutup (CCTV) yang telah dipasang di seluruh Negeri Perak?
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menambahbaik kamera litar tertutup sediaada kepada fungsi tambahan Kecerdasan Buatan (AI) untuk analisis data pengurusan trafik semasa selaras dengan Pengurusan Bandar Pintar (Smart City)?
- c) Adakah kadar liputan kamera sediaada telah mencapai tahap yang memuaskan?

16. YB ENCIK MOHD HAFEZ BIN SABRI (MANJOI)

PENCEMARAN DI KAWASAN PERUMAHAN

- a) Apakah usaha segera kerajaan mengawal aktiviti berkaitan letupan dan gegaran di Lot 15667 Wilayah Chepor, Mukim Hulu Kinta, Daerah Kinta sehingga boleh menyebabkan keretakan bangunan rumah serta pencemaran habuk, bunyi, alor sungai dan aliran sistem perparitan di kawasan perumahan?
- b) Apakah usaha segera kerajaan mencegah pencemaran bau di kawasan perumahan dalam DUN Manjoi seperti yang berlaku di West Park, Bandar Baru Seri Klebang, Taman Chepor Permai, Taman Klebang Ehsan, Taman Chepor Impian dan Taman Strand Park?

17. YB PUAN BAVANI A/P VERAIAH (MALIM NAWAR)

Dapat dilihat kawasan taman atau perumahan baharu tumbuh bagai cendawan selepas hujan di seluruh negeri Perak, termasuk di kawasan DUN Malim Nawar. Perkara ini membawa nilai positif apabila lebih ramai rakyat mempunyai peluang untuk memiliki rumah sendiri. Namun, dalam pembangunan yang kian pesat ini, isu perancangan dan infrastruktur seperti saliran air harus diambil kira secara teliti bagi mengelakkan risiko banjir kilat yang kerap membelenggu penduduk setempat.

Sehubungan dengan itu, mohon penjelasan daripada pihak kerajaan negeri

1. Apakah langkah tegas atau garis panduan khusus yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Perak bagi memastikan setiap pemaju menyediakan pelan saliran air dan sistem perparitan yang mesra alam serta mampan sebelum sesuatu kelulusan pembangunan diberikan?
2. Bagaimanakah pihak kerajaan negeri dan PBT memantau serta memastikan pemaju mematuhi pembinaan sistem saliran mengikut spesifikasi yang telah diluluskan, terutamanya semasa dan selepas fasa pembinaan bagi mengelakkan isu banjir kilat di kemudian hari?
3. Apakah tindakan atau punca kuasa yang boleh diambil oleh PBT terhadap pemaju yang gagal mematuhi sistem saliran yang ditetapkan, serta apakah perancangan kerajaan negeri untuk menaik taraf saliran sedia ada di kawasan berisiko banjir akibat limpahan pembangunan baharu?

18. YB ENCIK ZAFARULAZHAN BIN ZAN (KAMPONG GAJAH)

Apakah status terkini pelaksanaan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) yang melibatkan kawasan sepanjang Sungai Perak, khususnya RTB Kampong Gajah dan kawasan hiliran Sungai Perak, termasuk status reka bentuk, peruntukan, proses tender serta bilakah kerja fizikal dijangka dimulakan dan siap sepenuhnya?

19. YB KHALIL BIN YAHAYA (KUBU GAJAH)

Rang Undang-Undang Perlindungan Unggas (Pindaan) 2023 diluluskan dalam Persidangan Dewan Negeri Perak pada 25 Mei 2023. Justeru,

(a) Apakah status terkini pembentukan suatu jawatankuasa khas atau mekanisme tindakan bersepadu bagi menangani isu gangguan serta peningkatan populasi monyet dan kera yang semakin membimbangkan di kawasan penempatan penduduk ?

(b) Sekiranya jawatankuasa tersebut telah diwujudkan, siapakah yang terlibat dalam pelaksanaan tindakan secara bersepadu tersebut ?

(c) Apakah langkah-langkah segera bersifat jangka pendek yang dilaksanakan dan strategi jangka panjang Kerajaan Negeri dalam mengawal populasi serta menangani isu limpahan monyet dan kera secara lebih menyeluruh dan berkesan?

20. DATO' SHAHRUL ZAMAN BIN YAHYA (RUNGKUP)

Mohon Kerajaan Negeri menyatakan status terkini pembangunan projek LUMIC 6, termasuk kemajuan perancangan dan pelaksanaannya.

Adakah pihak Kerajaan Negeri telah mengenal pasti atau memuktamadkan pelabur yang akan terlibat, dan bilakah projek ini dijangka memulakan pelaksanaan secara fizikal?

21. YB DR HASHIM BIN BUJANG (BUKIT CHANDAN)

Minta YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan perancangan Kerajaan Negeri untuk membina Rancangan Perumahan Awam (RPA) di DUN Bukit Chandan, Kuala Kangsar bagi memenuhi permintaan terhadap rumah mampu milik yang semakin meningkat, khususnya dalam kalangan generasi muda dan keluarga berpendapatan rendah.

22. YB PUAN NORHASLINDA BINTI ZAKARIA (PANGKOR)

Kerajaan negeri melalui MB Inc Perak dan Aero Art Sdn. Bhd. telah memeterai MoU pembangunan, pengoperasian dan penyelenggaraan muzium kapal KD Hang Tuah di Kompleks Muzium Diraja Lumut.

Pembinaan Kompleks Muzium Diraja Lumut ini sebagai usaha memperkukuh sektor pelancongan serta mengangkat identiti Lumut sebagai hab maritim negara.

Bilakah jangkaan muzium ini dibuka?

23. YB ENCIK AHMAD BIN MAN (KUALA SEPETANG)

Apakah dasar dan perancangan kerajaan dalam menangani masalah rakyat yang

masih tidak mempunyai penempatan atau rumah sendiri, khususnya golongan B40, ibu tunggal, warga emas dan keluarga muda yang sukar memiliki kediaman akibat peningkatan kos sara hidup dan harga rumah?

24. YB PUAN BAVANI A/P VERAIAH (MALIM NAWAR)

Daerah Kampar mempunyai liputan tanah pasir yang agak luas. Tanaman kontan seperti keledak antara kekuatan utama Daerah ini Dan Malim Nawar merupakan penyumbang kepada hasil berpotensi ini. Utk makluman, keledak juga dikenali sebagai super food yang sangat berkhasiat.

Baru- baru ini, berlaku kekurangan permintaan terhadap tanaman keledak yang menyebabkan penuaian ditangguhkan selama hampir sebulan lamanya. Hal ini menjejaskan Pengeluaran hasil dan pendapatan petani tempatan.

SOALAN

- a. Apakah dasar atau bantuan yang boleh ditambahbaik bagi menjamin permintaan dan harga hasil ladang tanaman kontan?
- b. Keledak variety 'Vitato' mempunyai hasil yang lebih tinggi serta berzat. Tanaman ini sangat berpotensi tinggi di kawasan ini. Apakah inisiatif bagi mempromosi variety ini di Malim Nawar sekaligus melonjakkan hasil ladang petani?

25. YB ENCIK AZMAN BIN NOH (PENGKALAN BAHARU)

Inisiatif Bandar Pintar Negeri Perak Sejauh manakah perkembangan terkini pelaksanaan inisiatif Bandar Pintar (Smart City) di Negeri Perak, termasuk pelaksanaannya di semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), dan apakah inisiatif atau langkah baharu yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi mempercepatkan agenda Bandar Pintar serta memastikan manfaatnya dapat dinikmati secara langsung oleh rakyat?

26. YB DATO' ZAINOL FADZI BIN PAHARUDIN (SUNGAI MANIK)

Senarai Projek Kerajaan Negeri di DUN Sungai Manik

A) Bolehkah Kerajaan Negeri menyatakan secara terperinci semua projek pembangunan yang telah diluluskan dan dilaksanakan di DUN Sungai Manik bagi tempoh 2023 hingga 2026, termasuk nama projek, jabatan atau agensi pelaksana nilai peruntukan setiap projek, sumber pembiayaan dan status pelaksanaan semasa.

27. YB PUAN WONG MAY ING (PANTAI REMIS)

Perkhidmatan Pengangkutan Awam Secara Rintis

Memandangkan sebahagian kawasan Pantai Remis dan utara Daerah Manjung mempunyai taburan penduduk yang agak berselerak, perkhidmatan bas awam yang beroperasi berdasarkan laluan dan jadual tetap mungkin tidak dapat

memenuhi sepenuhnya keperluan perjalanan penduduk. Sehubungan itu, adakah Kerajaan Negeri bersedia menjadikan kawasan Pantai Remis sebagai kawasan perintis untuk menjalankan kajian dan melaksanakan percubaan perkhidmatan pengangkutan awam yang lebih fleksibel seperti bas mini berdasarkan permintaan (Demand-Responsive Transport), perkhidmatan pengangkutan secara tempahan serta perkhidmatan carpool komuniti yang dikawal selia, sebelum menilai keberkesanannya dan mempertimbangkan peluasan perkhidmatan tersebut ke kawasan lain di Daerah Manjung?

28. YB CIK JENNY CHOY TSI JEN (CANNING)

Penguatkuasaan Polisi Larangan Lesen Penjualan Rokok Elektronik (Vape) dan Pemantauan Premis Tanpa Lesen di Kawasan Perumahan serta Sekitar Sekolah di Perak

i) Sejauh mana keberkesanan pelaksanaan Polisi Larangan Pembaharuan dan Pengeluaran Lesen Penjualan Vape yang mula dikuatkuasakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negeri Perak berkuasa 1 Januari 2026, serta jumlah premis atau peniaga vape yang telah dikenakan tindakan sitaan atau kompaun oleh PBT (seperti MBI) kerana beroperasi tanpa lesen sah di kawasan lot kedai?

ii) Apakah garis panduan dan jarak piawaian terkini yang ditetapkan bagi melarang pemilikan atau pemsasaan perniagaan produk vape di kawasan sensitif khususnya berdekatan zon sekolah dan kawasan kediaman?

iii) Bagaimanakah bentuk kerjasama operasi bersepadu yang dijalankan antara PBT dan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Perak di bawah Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) bagi menangani isu penjualan vape secara haram atau terselindung kepada golongan remaja dan pelajar sekolah?

29. YB ENCIK MOHAMAD FAKHRUDDIN BIN ABDUL AZIZ (KAMUNTING)

Kejadian Kes Kecurian Kabel di Kamunting

1. Berapakah jumlah kes kecurian kabel yang direkodkan di daerah Larut, Matang dan Selama, khususnya di Kamunting, dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini?

2. Apakah lokasi yang dikenal pasti sebagai hotspot kecurian kabel di Kamunting dan apakah tindakan pencegahan yang telah dilaksanakan di kawasan tersebut?

30. YB TUAN HAJI RAZMAN BIN ZAKARIA (GUNONG SEMANGGOL)

Apakah strategi holistik serta dasar terkini Kerajaan Negeri Perak dalam menyelesaikan isu kediaman rakyat yang berdepan masalah status tanah tidak wujud termasuk penempatan atas tanah persendirian bertaraf sewaan jangka panjang (melebihi 40 hingga 50 tahun) dan tanah milik institusi seperti yang berlaku di beberapa kampung dalam kawasan DUN Semanggol seperti di Kg.

Selamat, Kg. Depan Balai/Chiak Raya, Kg. Batu 11, Kg. Tepi Kolam, Kg. Batu 38 & 40, serta Jln. Terusan Selinsing dan Kg Perlis?

31. YB ENCIK BERHANUDIN BIN AHMAD (MANONG)

Projek Skim Bekalan Air Perak Utara (NPWSS) merupakan satu projek mega yang memberi kepentingan jaminan bekalan air kepada banyak pihak khususnya di Perak Utara dan Pulau Pinang. Projek berskala besar ini perlu dilihat secara menyeluruh dari sudut pelaksanaan, kos, impak alam sekitar dan kepentingan rakyat negeri Perak.

- a) Apakah tahap risiko projek ini dari sudut kesan kepada bekalan air LAP, kesan pencemaran air, kesan kedalaman air sungai Perak dan kesan kepada habitat dan alam sekitar?
- b) Apakah jaminan projek ini benar-benar memberi keutamaan kepada rakyat Perak berbanding kepentingan pihak luar?

32. YB ENCIK GOH SEE HUA (PASIR PINJI)

Peruntukkan Marris

- 1. Berapakah jumlah peruntukkan Marris untuk 2026 yang masih belum digunakan?
- 2. Berapa jalan yang telah diturap di kawasan Ipoh menggunakan peruntukkan marris?
- 3. Apakah syarat untuk satu jalan tersebut boleh didaftarkan di dalam sistem Marris?